

Surat khabar: Utusan Borneo (Pendidikan)
Hari/Tarikh: 30/5/2016
Muka surat: A3

Tajuk : Kerjasama KSM dan UNIMAS

Kerjasama KSM dan UNIMAS



Apprenticeship di sini.

Lebih kurang 100 pelajar Fakulti Kejureraan UNIMAS berkampung di Kampung Pichin, Serian sejak 20 Mei lepas dan menjalankan pelbagai aktiviti bersama orang kampung.

"Siswa dan siswi akan menyertai Program Anak Angkat dan melibatkan diri dalam kerja gotong-royong dan menyertai bengkel bersama pelajar dalam usaha memupuk semangat bertanggungjawab terhadap komuniti setempat.

"Selain itu, kita adakan juga Program Kemahiran dan Kerjaya 2016 diperceyai dapat memberi pendedahan berkaitan kerjaya dalam bidang kemahiran yang diperlukan di dalam pembangunan negeri Sarawak.

"Guru serta pelajar dari seluruh bahagian Serian turut dijemput hadir bagi mengikuti bengkel khas bagi Pengukuhan Teknik Pembelajaran Pelajar. "Kalangan pakar

motivasi dari UNIMAS dan UKM dijemput untuk berkongsi pengalaman semangat juang di dalam diri untuk menghadapi suasana kehidupan yang mencabar hari ini," kata Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Wan Ibrahim Wan Hashim di dalam ucapannya di Kampung Pichin, Serian semalam.

Bagi Program Apprenticeship pula, ia adalah inisiatif PTPK untuk memberi latihan dan kursus di dalam industri yang telah dikenal pasti kepada 80 belia dari Serian.

Ruangan pameran turut menyediakan aktiviti seperti demo pendawaian, robotik, proses kimia dan sebagainya bagi memupuk minat belia di dalam bidang sains dan teknologi.

Turut hadir sama adalah Menteri KSM Datuk Sri Richard Riot Jaern, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedup Martin Ben dan ADUN Bukit Semuja John Ilus.

Oleh Henrietta Liza

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjalankan program bersama Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KSM) dalam usaha untuk menyediakan graduannya untuk memasuki alam pekerjaan.

Justeru itu, KSM melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Pertadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Yayasan Serian melaksanakan tiga program iaitu Program Kemahiran dan Kerjaya 2016, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan serta Pelancaran Program

Disedi:
Bahagi



TURUN PADANG: Riot (tiga kanan) ditemani pegawai kanan agensi di bawah KSM melawat ruang pameran di Kampung Pichin, Serian baru-baru ini.